

## Pertandingan mengenal spesies burung di Bukit Fraser

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 8 Jun 2024, 4:58 pm



LEONG YU MAN ( tengah ) bersama pencinta burung tempatan dan antarabangsa selepas upacara Flag Off Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser ke-35 di Bukit Fraser hari ini.

RAUB: Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser Kali Ke-35 tahun menarik penyertaan 32 pasukan dari dalam dan luar negara bagi menjelaki lebih 250 spesies burung yang direkodkan di tanah tinggi ini.

Exco Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, Leong Yu Man berkata, peningkatan peserta mencatatkan kenaikan 113 peratus berbanding 15

pasukan pada tahun 2023 dan antara peserta dari Jepun, United Kingdom, Kemboja, Peru, Filipina dan Bhutan.

“Kadar peningkatan penyertaan ini didorong oleh kemunculan empat spesies burung migrasi dari Siberia Utara Rusia dan rangkaian Pulau di Utara Selatan yang jarang ditemui dan muncul semula di Bukit Fraser selepas tiga tahun.

“Di Bukit Fraser terdapat lebih 250 spesies burung dan yang paling signature atau ikon adalah Silver Eared Mesia dan baru-baru ini empat spesies yang kembali semula selepas tiga tahun iaitu White Crown Hornbill, Dusky Broadbill, Chestnut Scimitar Babbler dan Green Broadbill,” kata selepas Upacara Flag Off Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser Kali Ke-35 di Bukit Fraser, Raub hari ini.

Kata beliau, acara tahunan yang diadakan sejak tahun 1988 mendapat kerjasama daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Bird Life International dan ditaja oleh YL Camera (M) Sdn Bhd dan beberapa jenama besar pengeluar kamera dan barang an aksesori kamera.

“Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa Bukit Fraser terbahagi kepada tiga kategori iaitu Advance, Novice dan Student selain beberapa aktiviti pengisian turut diadakan iaitu wacana (bird talk), pertandingan fotografi, pameran dan lawatan berpandu secara percuma (complimentary guided tour),” katanya.

Kata beliau, penganjuran ini merupakan usaha untuk mewujudkan jaringan sinergi antara Tourism Pahang dan agensi-agensi luar yang terlibat secara langsung bagi menjayakan program ini.

Kata beliau, burung-burung migrasi di Bukit Fraser yang terbang dari Siberia Utara Rusia dan rangkaian Pulau di Utara Selatan dari bulan Oktober hingga April akan tinggal beberapa bulan di sini sebelum berhijrah ke Selatan Australia dan New Zealand.- UTUSAN